

20 SEP 2002

BELANJAWAN-PENGANGKUTAN/I

PENGURUSAN KLIA PERLU BERUSAHA SECARA LEBIH AGRESIF

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pengurusan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) perlu berusaha lebih agresif untuk menarik lebih banyak syarikat pengangkutan udara menggunakan KLIA sebagai hub bagi operasi mereka di rantau ini.

"Kita ingin jadikan KLIA sebagai hub bagi pengangkutan udara. Segala kemudahan untuk tujuan ini telah kita sediakan," kata Perdana Menteri ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Katanya, kerajaan ingin melihat syarikat pengangkutan udara lain juga memindahkan operasi di Malaysia.

Pada masa ini, syarikat kurier antarabangsa DHL telah menjadikan Cyberjaya sebagai pusat operasinya di seluruh dunia.

Dr Mahathir berkata pengangkutan melalui rel juga boleh ditingkatkan dengan siapnya landasan berkembar sepanjang Semenanjung.

"Industri pengangkutan rel juga mempunyai potensi untuk mewujudkan perniagaan baru yang boleh memberi keuntungan. Express service dengan rel adalah sesuatu yang boleh menyumbang kepada industri pengangkutan dan ia boleh menghubungkan negara dengan negara-negara jiran lain."

"Malaysia selalunya mengalami defisit dalam dagangan perkhidmatan. Bagaimanapun, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kita telah dapat mengurangkan sedikit defisit itu," katanya.

Dr Mahathir berkata ia boleh dikurangkan lagi dengan membekalkan kemudahan perkhidmatan yang sesuai dengan potensi permintaan.

Menurutnya, negara telah berjaya meningkatkan lagi pertumbuhan perkhidmatan pelabuhan dengan mengadakan promosi yang lebih agresif untuk menarik kapal dagang.

"Sepuluh tahun lalu, semua pelabuhan di Malaysia mengendalikan hanya satu juta kontena. Selepas promosi yang agresif, Port Klang sahaja mengurus empat juta kontena. Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) pula berjaya mengendalikan dua juta kontena pada tahun kedua ia beroperasi," kata Perdana Menteri.

Dengan usaha yang gigih, perkhidmatan pelabuhan boleh dimajukan lagi, tambah beliau. -- BERNAMA

MKO ZK